

# Lantang

# “ Berani

# “ Terbuka

“  
Kenapa dibiarkan saja Presiden terkontang kanteng sorang-sorang (seorang diri) menjelaskan isu ini kepada rakyat. Tidakkah boleh kita sebagai perwakilan, terangkan sendiri kepada rakyat?”

BH 13 MAY 2000

— Mastika Junaidah Husin

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perwakilan di perhimpunan agung Umno kali ini semakin lantang dan berani mengkritik kepemimpinan serta membuat teguran secara terbuka bagi memperbaiki kelemahan parti.

Sebahagian besar perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbincangan usul ucapan Presiden hari ini, juga lebih serius menyuarakan pandangan mereka berbanding sebelum ini.

Malah, ada perwakilan dengan lantang meminta barisan baru kepemimpinan Umno supaya sedia mendengar kritikan ahli dan segera menjalani proses muhasabah diri bagi memastikan sokongan rakyat yang berterusan kepada parti.

Suasana perbincangan ini dipercayai didorong oleh provokasi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya semalam yang antara lain menyetujui perubahan sikap orang Melayu hasil kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), keburukan politik wang dan sikap sesetengah pemimpin yang tidak menghiraukan lagi masalah rakyat.

Perdana Menteri dipercayai membangkitkan perkara itu supaya perwakilan menyuarakan pandangan secara ikhlas dan tanpa takut supaya sebarang kepincangan dalam parti dapat diperbetulkan.

Wakil Kelantan, Datuk Annuar Musa yang membahaskan ucapan dasar Presiden pagi ini, menegur sikap sesetengah

anggota Majlis Tertinggi (MT) yang hanya asyik mengelek fail setiap kali ada mesyuarat MT tetapi kebanyakan keputusan yang dirumus, tidak dilaksanakan.

“Pelbagai biro dalam Umno termasuk biro politik masih belum berfungsi seperti sepatutnya manakala penggunaan kemudahan IT seperti komputer masih terkebelakang berbanding Pas walaupun kerajaan yang diterajui Umno adalah penggerak utama Koridor Raya Multimedia,” katanya.

Beliau turut meminta pemimpin tinggi parti yang memegang jawatan penting dalam kerajaan termasuk Perdana Menteri dan timbalannya, menteri Kabinet dan Menteri Besar atau Ketua

Menteri, turun melaksanakan kerja parti menjangkau batasan kawasan pilihan raya masing-masing.

“Jangan hanya asyik membuat kerja kerajaan sehingga kerja parti terabai kerana kerajaan yang kuat belum menjamin parti yang menerajui kerajaan itu juga kuat,” katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Kelantan, berkata dalam konteks memperkuatkan parti, Umno telah tercicir berbanding Pas.

Sebagai contoh, katanya, walaupun Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah

LIHAT MUKA 2